



No. Sebut Harga: **RISDA-L-02/2019**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH RISDA**

Alamat Pusat Tanggungjawab:

**Bahagian Kewangan Dan Belanjawan,
Tingkat 7, Ibu Pejabat RISDA,
Jalan Ampang,
50990 KUALA LUMPUR.**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	Bas Nissan LKA211N-UBS No. Plat Kenderaan : WPR 577	1	RM25,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **29 Mei 2019 (Rabu)** di antara jam **10.00 pagi hingga 11.00 pagi** di Kawasan Parkir, Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang, Karung Berkunci 11067, 50990 Kuala Lumpur.

3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan** (KEW.PA-25) dan **Dokumen Sebut Harga** yang boleh diperolehi di alamat seperti di Para 4. Tawaran sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **RISDA-L-02/2019** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

PENGARAH,
BAHAGIAN KEWANGAN DAN BELANJAWAN,
TINGKAT 7, IBU PEJABAT RISDA,
JALAN AMPANG,
50990 KUALA LUMPUR.

Tarikh tutup sebut harga pada **10 Jun 2019 (Isnin)** jam **12.00 TENGAHARI**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

(Tandatangan Ketua Pusat Tanggungjawab)

KANIZA BINTI AB SHUKOR

Pengarah

Tarikh : Bahagian Kewangan & Belanjawan
b/p: Ketua Pengarah

Cap : RISDA 23/5/2019



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

- 1) Sila pastikan jenis dan butir-butir kenderaan sebelum mengemukakan tawaran sebut harga. Pembelian adalah berdasarkan keadaan dan di tempat semasa lawatan *atau 'as is, where is'*.
- 2) RISDA tidak bertanggungjawab di dalam apa-apa kekurangan atau kerosakan dan tidak akan memperbaiki atau mengganti mana-mana bahagian kenderaan yang telah rosak atau hilang.
- 3) Semua tawaran hendaklah dikemukakan dalam borang yang disediakan. Lain-lain borang tidak akan diterima kecuali sebagai tambahan kepada borang rasmi tersebut.
- 4) Harga tawaran hendaklah dalam Ringgit Malaysia.
- 5) Sebarang pindaan kepada tawaran (sama ada mengenai perincian atau kadar harga) hendaklah jangan dilitupi tetapi hendaklah dipotong dan ditandatangan ringkas.
- 6) Tiap-tiap borang tawaran hendaklah ditandatangani dan dicop dengan cop rasmi pemohon.
- 7) **Wang deposit** hendaklah disertakan bersama tawaran ini sebanyak **5% daripada harga yang ditawarkan**.
- 8) Wang deposit hendaklah di `bank in' ke dalam akaun CIMB Bank, **RISDA AKAUN BAHAGIAN KEWANGAN, No. Akaun 80-0248445-9.**

- 9) Penender yang menghantar wang deposit dalam bentuk Cek Persendirian / Cek Syarikat tidak akan dipertimbangkan.
- 10) Wang deposit akan menjadi hak RISDA sekiranya penender menarik diri sebelum keputusan diumumkan.
- 11) Sekiranya seseorang penender berjaya, ianya dikehendaki mengambil kenderaan yang ditawarkan tiga (3) minggu selepas diberitahu. Urusan pengangkutan adalah tanggungjawab pembeli.
- 12) Baki harga yang ditawarkan (setelah ditolak wang deposit daripada harga sebenar tawaran kenderaan) hendaklah dibayar dalam jangkamasa tiga (3) minggu selepas diberitahu.
- 13) Penender berjaya dikehendaki membuat penukaran nama hakmilik baru dalam tempoh tiga (3) minggu selepas bayaran dibuat sepenuhnya.
- 14) RISDA boleh menolak tawaran tanpa memberi apa-apa penjelasan dan wang deposit akan dikembalikan.
- 15) RISDA tidak akan melayan sebarang tuntutan perbelanjaan yang berkaitan dengan tawaran ini.
- 16) RISDA tidak terikat untuk memilih tawaran yang tertinggi atau mana-mana tawaran yang dimajukan.
- 17) Walau bagaimanapun, syarat-syarat yang tersebut di atas, Pihak Pengurusan RISDA adalah berhak untuk membuat pindaan kepada syarat-syarat berkenaan dari semasa ke semasa dan pindaan tersebut adalah berkuatkuasa dan mengikat.